

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 06 MEI 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI ambil langkah penting pastikan keamanan empurau	The Borneo Post Online
2.	BioBorneo 2014 Conference and Exhibition focuses on community development	The Borneo Post Online
3.	Cinta Siber : Pemangsa boleh menyamar	Utusan Malaysia
4.	Dokumentasi tumbuhan ubatan	Harian Metro
5.	Dry spell, poor harvest	The Star

MOSTI ambil langkah penting pastikan kemapanan empurau

Posted on May 6, 2014, Tuesday



Empurau RM750 sekilogram

ASAJAYA: [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) mengambil langkah penting bagi memastikan kemapanan 'Raja Ikan di Sungai Sarawak', empurau.

Kerjasama rapat dengan [Perbadanan Bioteknologi Malaysia Sdn Bhd](#), di bawah program perdana tiga tahun, memperuntukkan RM1.5 juta kepada LTT Akuakultur Sdn Bhd pada 2012 untuk menjadi penternak terbesar empurau di Malaysia.

"Kami memberi sokongan penuh dalam industri (empurau) ini kerana ia mampu meraih keuntungan yang tinggi dan menambah pendapatan ekonomi negara kita ke arah Wawasan 2020," kata [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Diah](#) kepada pemberita di LTT Akuakultur Sdn Bhd di Sungai Subi, Jalan Asajaya semalam.

Empurau yang berharga RM750 sekilogram untuk saiz melebihi 2kg dan RM650 bagi berat antara 1kg dan 1.5kg menjadi hidangan makanan istimewa di restoran utama di Malaysia, Singapura, Hong Kong dan China.

Beliau juga berkata LTT Akuakultur adalah perintis dalam bidang ternakan Empurau dalam tangki serta memperbaiki kaedah yang digunakan untuk mengeksport ikan segar keluar dari negara ini bagi memenuhi permintaan pembeli.

“Ini adalah jenis inovasi yang kita mahu lihat, satu inovasi dapat memastikan ikan air tawar dapat hidup dalam penerbangan 18 jam dan tidak beku,” katanya.

Satu lagi inovasi dengan LTT Akuakultur katanya, kolam konkrit untuk membiak empurau yang merupakan gabungan sistem kolam Jepun dan Inggeris yang membuat pembiakan.

Sementara itu, **Ketua Pegawai Eksekutif Biotechnology Corporation Sdn Bhd Datuk Dr Nazlee Kamal** berkata lebih banyak kajian diperlukan untuk memastikan keselamatan dan kualiti ikan.

“Kami agak bimbang keselamatan empurau kerana terlebih menangkap ikan...kerana ini boleh membawa kepada penduduk semakin kekurangan ikan di dalam sungai,” katanya.

Beliau juga mendedahkan bahawa diet empurau ini terdiri daripada buah-buahan engkabang yang dicampur dengan ikan-ikan kecil lain.

Projek-projek mega lain di negeri ini adalah projek akuakultur di Tanjung Manis yang dikendalikan oleh pelabur Taiwan yang telah membelanjakan RM2 bilion bagi projek itu di hab halal utama Sarawak.

Turut hadir dalam lawatan itu Pengarah Urusan LTT Akuakultur Sdn Bhd Bill Lu Thian Tack.

BioBorneo 2014 Conference and Exhibition focuses on community development

Posted on May 6, 2014, Tuesday



Azizan (front left) exchanging the MoU with Kopli witnessed by Jabu (fourth right), Abu Bakar (fourth left) and others at the BioBorneo opening ceremony.

KOTA SAMARAHAN: Community development through a bioeconomy agenda was the focus of the BioBorneo 2014 Conference and Exhibition (BioBorneo) which was officiated by Deputy Chief Minister Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu on behalf of Chief Minister Tan Sri Datuk Amar Adenan Satem at Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yesterday.

This year's theme 'Sustaining the Bioeconomy Community' will see the two-day conference and exhibition, which is held for the second time in the state, cover topics on research advancement, intellectual property and commercialisation potential of biotechnology innovation that will positively impact the community development in Borneo.

In his welcoming address, [Deputy Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) said that the government hoped that BioBorneo can serve as a platform to disseminate information on research and development as well as the business and investment potentials in bioeconomy.

